

Mengkaji keberkesanan Program Budaya Ilmu “*Effective Presentation & Engineering Report Writing*” ke atas pelajar.

Siti Amely bt Jumaat¹, Siti Zarina binti Mohd. Muji², Ida Laila Ahmad³, Zarina Tukiran⁴, Jamaluddin Jalani⁵, Khalid Isa⁶, Norfaiza Fuad⁷, Masnani Mohamed⁸, Shamsul Mohamad⁹

Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
Beg Berkunci 101, 86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor.

amely@uthm.edu.my¹, szarina@uthm.edu.my², ida@uthm.edu.my³, zarin@uthm.edu.my⁴,
jamalj@uthm.edu.my⁵, halid@uthm.edu.my⁶, norfaiza@uthm.edu.my⁷, masnani@uthm.edu.my⁸,
shamsulm@uthm.edu.my⁹

Abstrak

Kerja kursus merupakan komponen penting dalam penilaian sesuatu matapelajaran kepada para pelajar di institut pengajian tinggi. Penilaian ini akan memberi kesan kepada gred atau keputusan pelajar di akhir setiap semester sepanjang pengajian mereka. Kebiasaannya ia dapat dibahagikan kepada pembentangan tugas dan penulisan laporan tugas. Tetapi, kebanyakan pelajar lemah dalam penyediaan bahan-bahan untuk pembentangan serta penulisan laporan kerana mereka kurang diberi pendedahan secara formal oleh pensyarah-pensyarah mereka. Tiada keselarasan antara satu matapelajaran dengan matapelajaran yang lain juga menyumbang kepada permasalahan ini. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini satu program telah dijalankan oleh Program Pembangunan Pelajar, (PROPEMP) Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik bagi melihat kesan positif ke atas diri pelajar selepas program diadakan. Kandungan program seperti *Effective Presentation Using Microsoft Power Point* serta penyediaan laporan tugas menggunakan *Microsoft Word*, *Microsoft Equation Editor* dan *Microsoft Visio*. Daripada soal selidik sebelum dan selepas program, didapati pelajar menunjukkan peningkatan dalam kemahiran menggunakan perisian-perisian yang berkaitan. Ini menunjukkan bahawa kemahiran pelajar boleh ditingkatkan dengan bantuan kursus sebegini. Secara tidak langsung, mereka akan lebih menyedari kepentingan setiap perisian dalam membantu penyediaan pembentangan dan penulisan laporan sekali gus memberi kesan kepada jumlah markah akhir mereka.

Kata kunci : Budaya ilmu; kerja kursus, Pembentangan, Penulisan, Laporan

1. Pengenalan

Penilaian menerusi kerja kursus untuk sesuatu matapelajaran di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, (FKEE) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bukanlah satu perkara baru. Dilema kebanyakan para-pelajar yang memperolehi keputusan rendah adalah disebabkan mereka memperolehi markah kerja kursus yang rendah. Realitinya, di antara faktor penyumbang keadaan ini adalah disebabkan oleh markah laporan dan tugas mereka yang rendah dan tidak memuaskan.

Masalah ini wujud disebabkan para pelajar membuat pembentangan yang tidak berstruktur, tidak menarik serta tidak menampilkan kesungguhan. Ini ditambah lagi dengan laporan tugas atau amali yang kurang berkualiti dan tidak mematuhi format kejuruteraan. Justeru itu, kemahiran menggunakan perisian semasa penulisan

laporan dan sesi pembentangan yang menarik dan berkesan adalah antara elemen wajib dalam memastikan markah kerja kursus yang tinggi. Jika diteliti, kesemua elemen ini menyumbang kepada kemahiran generik yang sepatutnya dikuasai oleh para pelajar sebagai hasil pembelajaran mereka di sesebuah universiti.

Kepentingannya ditegaskan oleh Lukman (2005), IPTA yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya. Menurut Megat (2007), kemahiran generik berkembang melalui proses semulajadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan. Justeru itu, para pelajar perlulah diberi pendedahan serta dibimbing secara berterusan supaya kemahiran generik ini dapat mereka kuasai secara total.

Oleh itu, bagi menampung keperluan pelajar satu program telah diadakan khusus untuk mengasah kemahiran serta memberi input dan panduan dalam penggunaan perisian Microsoft Power Point, Microsoft Word, Microsoft Equation Editor dan Microsoft Visio yang amat berguna semasa sesi pembentangan serta penulisan laporan teknikal yang berkualiti.

2. Methodologi Kajian

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan data-data yang diperolehi secara soal selidik. Soal selidik dibahagikan kepada sebelum program dan selepas program berlangsung. Maltamat kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan mengadakan program budaya ilmu ke atas pelajar FKEE, UTHM. Populasi kajian adalah keatas pelajar Tahun 1 dan Tahun 3 Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik pada Semester 2 Sesi 2006/2007 iaitu seramai 60 orang. Sampel kajian adalah dikalangan pelajar lelaki dan perempuan yang menghadiri Program Budaya Ilmu "*Effective Presentation & Engineering Report Writing*" anjuran Jawatankuasa Kecil Program Pembangunan Pelajar (PROPEMP) pada 12 Februari 2007.

Soal selidik sebelum pelaksanaan modul mengandungi 20 item soalan yang dibahagikan kepada :

1. Bahagian A: Maklumat Peribadi (6 item soalan)
2. Bahagian B: Maklumat Akademik (3 item soalan)
3. Bahagian C : Maklumat Sebelum Pelaksanaan Modul (11 item soalan)

Manakala soal-selidik selepas program mengandungi 23 item soalan yang dibahagikan kepada :

1. Bahagian A: Maklumat Peribadi (6 item soalan)
2. Bahagian B: Maklumat Akademik (3 item soalan)
3. Bahagian C: Maklumat Selepas Pelaksanaan Modul (14 item soalan)
4. Bahagian D: Ruangan Cadangan untuk penambahbaikan modul.
5. Bahagian E: Ruangan Cadangan untuk Jawatankuasa Kecil PROPEMP, FKEE

Program Budaya Ilmu "*Effective Presentation & Engineering Report Writing*" telah dilaksanakan pada 12 Februari 2007 di Bilik Seminar 2, Kompleks FKEE, UTHM. Program ini mempunyai 2 Modul yang dikendalikan sepenuhnya oleh En. Afandi Bin Ahmad, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Komputer, FKEE, UTHM. Tajuk-tajuk modul berkenaan adalah *Effective Presentation* dan *Engineering Report Writing*. Dalam modul yang pertama pelajar telah didedahkan kepada kaedah membina slaid pembentangan yang menarik dan berkesan dengan


menggunakan *Microsoft Power Point*. Penekanan diberikan kepada pemilihan warna teks, latar belakang dan grafik yang sesuai. Setelah selesai modul pertama, para pelajar telah dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil untuk menjalani sesi amali di makmal-makmal komputer yang disediakan. Setiap pelajar diberi tugas untuk menyediakan slaid yang perlu disiapkan dalam masa 1 jam. Sementara itu, didalam modul kedua pula pelajar didedahkan kepada panduan menulis laporan yang lengkap dan berkualiti dengan menggunakan *Microsoft Word*. Pendedahan kepada penggunaan alat bantu seperti *Microsoft Equation Editor* untuk menulis persamaan matematik dan *Microsoft Visio* untuk melukis pelbagai rajah dan litar elektrik dengan mudah dan menarik juga diperkenalkan.

3. Keputusan dan Analisis


Daripada soal selidik yang telah dilaksanakan sebelum dan selepas program didapati terdapat perubahan yang agak ketara dalam aspek tahap kefahaman dan kemahiran mereka dalam pembentangan dan penulisan laporan. Ini terbukti melalui analisis soal selidik yang telah dijalankan. Analisis yang dibuat mengandaikan bahawa skala 4 dan 5 adalah skala yang dianggap sebagai peratusan mereka yang bersetuju tentang sesuatu perkara. Oleh itu, dalam setiap analisis, peratusan bagi skala 4 dan 5 akan digabungkan. Manakala skala 1, 2 dan 3 dianggap sebagai peratusan mereka yang tidak bersetuju tentang sesuatu perkara

3.1. Komponen *Effective Presentation and Engineering Report Writing* adalah penting dalam pengajian


Dari segi kesedaran terhadap peri pentingnya komponen yang membantu dalam mendapatkan persembahan dan penulisan laporan yang berkualiti, keputusan menunjukkan peratusan yang bertambah selepas program ini dijalankan. Jika sebelum program, hanya 95% yang menyedari kepentingan tersebut, tetapi selepas program berjaya diadakan, peratusan ini meningkat kepada 3% menjadi 98%. Ia ditunjukkan melalui Rajah 1 yang menunjukkan peratusan pelajar sebelum program dijalankan dan Rajah 2 pula adalah peratusan selepas program dijalankan. Ini menunjukkan, kesedaran para peserta telah meningkat sedikit dan ini boleh dianggap salah satu dari kesan positif program sebegini.



Rajah 1: Peratus pelajar yang menyatakan komponen Effective Presentation and Engineering Report Writing adalah penting dalam pengajian di UTHM sebelum program.



Rajah 4: Peratus pelajar yang menyatakan mereka mahir dalam pembentangan dan penulisan laporan selepas program




Rajah 2: Peratus pelajar yang menyatakan komponen Effective Presentation and Engineering Report Writing adalah penting dalam pengajian di UTHM selepas program.

3.3 Kesedaran tentang kepentingan program


Seterusnya analisa dibuat terhadap kesedaran tentang kepentingan program sebegini, ia menunjukkan peningkatan peratusan yang agak tinggi selepas program ini dijalankan. Jika sebelum program hanya 86% yang sadar tentang kebaikan program sebegini, tetapi selepas program, lebih ramai lagi yang menyokong kewajaran program sebegini iaitu peratusannya meningkat kepada 100%. Ini ditunjukkan dalam Rajah 5 dan Rajah 6

3.2 Kemahiran dalam pembentangan dan penulisan laporan


Begitu juga jika dilihat dari sudut kemahiran dalam pembentangan dan penulisan laporan didapati peratusannya meningkat dengan begitu tinggi sebelum dan selepas program dijalankan iaitu peningkatan sebanyak 83%. Rajah 3 menunjukkan peratus sebelum program dan Rajah 4 menunjukkan peratus selepas program dijalankan.



Rajah 5: Peratus pelajar sebelum program yang menyatakan modul budaya ilmu wajar diadakan



Rajah 3: Peratus pelajar yang menyatakan mereka mahir dalam pembentangan dan penulisan laporan sebelum program



Rajah 6: Peratus pelajar selepas program yang menyatakan modul budaya ilmu wajar diadakan

Berikut adalah komen dan cadangan yang diterima daripada para pelajar yang menyertai program ini:

1. Program ini sangat bagus, ia perlu dipanjangkan kepada 2 hari supaya lebih banyak input dan pengetahuan yang mendalam serta lebih banyak praktikal boleh dilaksanakan
2. Program ini wajar didedahkan kepada pelajar-pelajar baru (Ijazah dan Diploma).
3. Program ini patut diwajibkan kepada para-pelajar kerana ia sangat membantu dan perkongsian ilmu yang sangat bermanfaat.
4. Program ini patut dimurnikan dengan mengadakan pertandingan menulis laporan, memperbanyakkan aktiviti luar/praktikal, memberi contoh-contoh laporan yang bagus bagi menambahkan pemahaman pelajar.
5. Program ini lebih menarik jika diselang-selikan dengan selingan seperti permainan minda dan dibekalkan makanan ringan untuk mengelakkan pelajar bosan dan mengantuk.
6. Urusetia harus mengadakan pemantauan mengenai perkembangan para peserta selepas program ini berlangsung.
7. Program ini lebih menarik jika diadakan diluar UTHM,
8. Program ini sepatutnya dilaksanakan pada masa yang sesuai bukan pada hari Ahad.

4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, setelah modul ini selesai, kemahiran pelajar berjaya ditingkatkan. Ini disokong dengan keputusan-keputusan yang telah dibincangkan sebelum ini. Dengan peningkatan penguasaan kemahiran ini, adalah diharapkan agar pelajar dapat menghasilkan laporan dengan lebih berkualiti di masa depan. Pihak penganjur juga

berjaya mengenalpasti keperluan pelajar yang sentiasa inginkan dorongan dalam bentuk praktikal agar kesedaran serta penerangan yang padat mampu memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar tersebut.

Penghargaan

Penulis-penulis ingin merakamkan sepenuh penghargaan diatas sokongan yang diberikan kepada En. Afandi Ahmad, Penceramah Program Budaya Ilmu serta bekas Pengerusi PROPEMP 2007, juruteknik-jurutekbik FKEE yang terlibat dalam program ini serta para peserta iaitu pelajar FKEE Tahun 1 dan Tahun 3 Semester 1 Sesi 2007/2008

RUJUKAN

1. S.A Jumaat, Program Budaya Ilmu "Effective Presentation and Engineering Report Writing" FKEE Bil 1/2007 Pelajar-Pelajar FKEE Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Report, University of Tun Hussein Onn Malaysia, 2007.
2. Lukman Ismail, Utusan Malaysia, Jumaat, 27 Mei 2005, ms 7.
3. Megat Aman Zahiri Megat Zakaria, Baharudin Aris, Jamaluddin Harun dan Mohd Zolkifli bin Abd Hamid, Kemahiran Generik dengan Jantina, Pengkhususan dan Pencapaian Guru-Guru Pelatih UTM: Satu Tinjauan, Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007.